



LAPORAN TAHUNAN

2012



**JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

Senarai Rajah
Senarai Jadual

PRAKATA

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Perladangan,
Sumber Manusia, Alam Sekitar Dan Pengaduan Awam Negeri Sembilan 3

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan 4

BAB 1 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Sumber Manusia 8

Kewangan dan Hasil 11

BAB 2 STATUS KUALITI ALAM SEKELILING

▪ Status Kualiti Udara 14

▪ Status Kualiti Air Marin 15

▪ Status Kualiti Air Tanah 17

▪ Status Kualiti Air Sungai 18

BAB 3 KAWALAN PENCEMARAN DAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN

▪ Kawalan pencemaran Ke Atas Premis Yang Ditetapkan (PYDT) 22

▪ Kawalan Pencemaran Ke Atas Premis Yang Bukan Ditetapkan (BPYDT) 24

▪ Kawalan Terhadap Punca-punca Bergerak 26

▪ Kawalan Aktiviti Pembakaran Terbuka 28

▪ Aduan Pencemaran 29

▪ Tindakan Undang-Undang 31

BAB 4 PENILAIAN ALAM SEKITAR

▪ Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) 34

▪ Penilaian Awal Tapak (PAT) dan Lesen Perniagaan (LP) 35

▪ Kelulusan Bertulis Pemasangan Alat Pembakaran Bahan Api (APB), Cerobong dan Alat Kawalan Pencemaran Udara 36

▪ Permohonan Kebenaran Bertulis (KB) 36

BAB 5 PROMOSI PENDIDIKAN, KESEDARAN DAN SEBARAN MAKLUMAT ALAM SEKITAR

▪ Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia Tahun 2012 38

▪ Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2012 38

▪ Program Rakan Alam Sekitar 39

▪ Kem Kesedaran Alam Sekitar Tahun 2012 39

▪ Ceramah dan Pameran 40





SENARAI RAJAH

- Rajah 1.1 : Struktur Organisasi JAS Negeri Sembilan Tahun 2012
- Rajah 1.2 : Bilangan Pegawai dan Kakitangan Yang Menghadiri Kursus
- Rajah 1.3 : Status Perbelanjaan Mengikut Program / Aktiviti Tahun 2012
- Rajah 2.1 : Indeks Pencemar Udara Bagi Stesen-stesen Automatik di Negeri Sembilan Tahun 2012
- Rajah 2.2 : Status Indeks Pencemar Udara Berdasarkan Bilangan Hari Cerapan
- Rajah 2.3 : Peratus (%) Pelanggaran Kualiti Air Tanah Bagi Tahun 2012
- Rajah 2.4 : Peratus (%) Pelanggaran Kualiti Air Marin Tahun 2012 Mengikut Kelas
- Rajah 2.5 : Status Indeks Kualiti Air Lembangan Sungai Linggi Tahun 2011 dan 2012
- Rajah 2.6 : Status Indeks Kualiti Air Lembangan Sungai Langat Tahun 2011 dan 2012
- Rajah 2.7 : Status Indeks Kualiti Air Lembangan Sungai Muar Tahun 2011 dan 2012
- Rajah 2.8 : Status Indeks Kualiti Air Lembangan Sungai Pahang Tahun 2011 dan 2012
- Rajah 2.9 : Status Indeks Kualiti Air Lembangan Sungai Melaka Tahun 2011 dan 2012
- Rajah 3.1 : Siasatan Penguatkuasaan dan Peratus Pematuhan Premis Yang Ditetapkan Tahun 2012
- Rajah 3.2 : Jenis Lesen PYDT(BT) Yang Dikeluarkan Oleh JAS Negeri Sembilan Tahun 2012
- Rajah 3.3 : Peratus Pematuhan (%) Premis Yang Bukan Ditetapkan Mengikut Kategori Premis
- Rajah 3.4 : Tindakan Ke Atas PYBDT Yang Tidak Patuh
- Rajah 3.5 : Bilangan Kenderaan Yang Ditahan, Diuji dan Tawaran Kompaun
- Rajah 3.6 : Bilangan Kenderaan Petrol Yang Patuh dan Tidak Patuh Ujian
- Rajah 3.7 : Bilangan Hotspot Mengikut Daerah Bagi Tahun 2012
- Rajah 3.8 : Aduan Pencemaran Mengikut Kategori Tahun 2012
- Rajah 3.9 : Aduan Pembakaran Terbuka Mengikut Daerah Tahun 2012
- Rajah 3.10 : Tindakan Ke Atas Kes-kes Aduan Tahun 2012
- Rajah 3.11 : Bilangan Tawaran Kompaun Tahun 2012
- Rajah 3.12 : Bilangan Kes Mahkamah Mengikut Seksyen Kesalahan Tahun 2012
- Rajah 4.1 : Permohonan PAT dan Lesen Perniagaan Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan
- Rajah 4.2 : Bilangan Permohonan Alat Pembakaran Bahanapi Dan Alat Kawalan Pencemaran Udara
- Rajah 5.1 : Program Ceramah dan Pameran Tahun 2012

SENARAI JADUAL

- Jadual 1.1 : Pertukaran Keluar / Masuk Pegawai dan Kakitangan
- Jadual 2.1 : Nilai Purata Indeks Pencemar Udara
- Jadual 3.1 : Program Penguatkuasaan Terhadap Motosikal Tahun 2012
- Jadual 4.1 : Laporan EIA Yang Diterima Mengikut Jenis Aktiviti Tahun 2012
- Jadual 4.2 : Tindakan Ke Atas Ketidapatuhan Syarat EIA



PRAKATA

PENGERUSI JAWATANKUASA BERTINDAK HAL EHWAL PERLADANGAN, SUMBER MANUSIA, ALAM SEKITAR DAN PENGADUAN AWAM



Salam Sejahtera dan Salam Mesra Alam,

Tahniah diucapkan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan (JAS NS) kerana telah menerbitkan Laporan Tahunan 2012 yang memberi maklumat berkaitan aktiviti dan program yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan sepanjang tahun 2012.

Sepanjang tahun 2012, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan pelbagai program penguatkuasaan, pengawasan dan promosi kesedaran bagi memastikan kehormonian alam sekitar di Negeri Sembilan. Input elemen alam sekitar adalah antara perkara penting yang perlu diambil kira dan disepadukan dalam setiap projek, program serta aktiviti pembangunan negeri yang dilaksanakan.

Program penguatkuasaan dan pemantauan terhadap punca-punca pencemaran diteruskan lagi pada tahun 2012 dengan program yang lebih mantap dan berkesan dalam memastikan punca-punca pencemaran mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Bagi menyokong program penguatkuasaan dan pemantauan, pelbagai program kesedaran alam sekitar telah dilaksanakan pada tahun 2012 dengan mensasarkan pelbagai peringkat dan golongan masyarakat.

Akhir kata, tahniah sekali lagi kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan atas usaha yang dijalankan serta komitmen yang tinggi untuk memastikan kualiti alam sekitar sentiasa terpelihara.

Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama

YB Dato' V.S Mogan

Pengerusi

**Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Perladangan, Sumber Manusia,
Alam Sekitar dan Pengaduan Awam Negeri Sembilan**





PRAKATA

PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN



Salam Sejahtera,

Saya berasa bersyukur kerana Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2012 telah diterbitkan dengan jayanya. Laporan ini mengandungi aktiviti dan program yang telah dilaksanakan oleh Jabatan sepanjang tahun 2012.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan adalah agensi yang berperanan untuk mengawal dan mencegah pencemaran alam sekitar melalui penguatkuasaan yang dilaksanakan secara berterusan. Di samping penguatkuasaan, program-program promosi kesedaran juga terus giat dijalankan bagi memastikan maklumat pemeliharaan alam sekitar dan isu terkini dapat dihebahkan kepada masyarakat di Negeri Sembilan.

Secara keseluruhannya, status kualiti alam sekitar di Negeri Sembilan berada tahap yang memuaskan di mana kualiti udara berada pada tahap baik manakala kualiti air sungai perlu diberi perhatian kerana masih lagi terdapat sungai yang mengalami kemerosotan Indeks Kualiti Air.

Kerjasama dan penglibatan agensi-agensi lain adalah sangat penting dalam memastikan kualiti alam sekitar Negeri Sembilan terus terpelihara dari pencemaran. Selain itu, kerjasama yang baik dari pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO), korporat, swasta serta individu juga dapat membantu Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan dalam meneruskan usaha memelihara dan memulihara alam sekitar.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah bersama-sama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan dalam memastikan keharmonian alam sekitar dikekalkan. Diharapkan Laporan Tahunan 2012 ini dapat memberi gambaran mengenai status kualiti alam sekitar di Negeri Sembilan serta peranan dan tugas serta tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan.

Terima kasih.

Charanpal Singh
Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan





Visi Jabatan
Pemuliharaan Alam Sekitar
Untuk Kesejahteraan Rakyat

Misi Jabatan
Memastikan Pembangunan Lestari
Di Dalam Proses Memajukan Negara

Slogan Q Jabatan
Integriti Menjana Kecemerlangan

Slogan MS ISO 9001:2008
Perkhidmatan Terbaik
Untuk
Kepuasan Hati Pelanggan

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Pemuliharaan Alam Sekitar,
Tanggungjawab Bersama





BAB

1



PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



SUMBER MANUSIA

Struktur Organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan diterajui oleh Pengarah. Jabatan ini terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Pembangunan dan Bahagian Operasi/Penguatkuasaan.

Setiap Bahagian diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah, manakala Bahagian Pentadbiran dan Kewangan diketuai oleh Penolong Pegawai Tadbir.

Sehingga 31 Disember, 2012 sebanyak 67 dari 70 jawatan telah diisi. 3 jawatan lagi yang masih belum diisi ialah satu (1) jawatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41 dan dua (2) Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C27.

Pada tahun 2012 terdapat beberapa pegawai bertukar dan Jadual 1.1 menunjukkan Pertukaran Pegawai/ Kakitangan dan Rajah 1.1 menunjukkan penempatan Pegawai dan Kakitangan dalam Struktur Carta Organisasi Tahun 2012.

Jadual 1.1 : Pertukaran Keluar / Masuk Pegawai dan Kakitangan


Bil.	Nama dan Jawatan	Catatan
1.	Wan Aminordin b. Wan Kamaruddin Ketua Penolong Pengarah Gred C48	Bertukar ke JASNS dari EiMAS mulai 16 Januari, 2012
2.	Razali Bin Mohd Khalid Juruteknik J22	Bertukar ke JASNS dari JAS Cawangan Temerloh, Pahang mulai 16 Januari, 2012
3.	Noor Hamiezah Binti Abdul Razak Juruteknik J17	Bertukar ke JASNS dari JAS Johor mulai 16 Januari, 2012
4.	Shiral Anuar Bin Md. Hane Juruteknik J17	Bertukar ke JASNS dari JAS Johor mulai 16 Januari, 2012
5.	Siti Sharini Bin Shamsudin Pembantu Akauntan W17	Bertukar ke JASNS dari Jabatan Akauntan mulai 1 Ogos, 2012
6.	Mohd Hidzir Bin Bakar Ketua Penolong Pengarah Gred C48	Bertukar ke EiMAS mulai 16 Januari, 2012
7.	Norhazwan Bin Norizan Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41	Bertukar ke JAS Selangor mulai 16 Januari, 2012
8.	Mohd. Zafrullah bin Sulaiman Penolong Pegawai Kawalan Gred C27	Bertukar ke JAS Johor mulai 16 Januari, 2012
9.	Azhar Bin Mohamad Juruteknik J22	Bertukar ke JAS Johor mulai 16 Januari, 2012
10.	Mohd Hanizan Bin Daud Juruteknik J17	Bertukar ke JAS Johor mulai 16 Januari, 2012
11.	Mohd Zulkarnain Bin Haji Ismail Juruteknik J17	Bertukar ke JAS Johor mulai 16 Januari, 2012
12.	Aznida Binti Mustafa Pembantu Akauntan W17	Bertukar ke Jabatan Pelajaran NS mulai 1 Ogos, 2012



LATIHAN

Bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan sumber manusia, pegawai dan kakitangan telah dihantar menghadiri kursus, seminar dan bengkel.

Rajah 1.2 menunjukkan bilangan pegawai dan kakitangan yang menghadiri kursus anjuran pelbagai agensi sepanjang tahun 2012.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Seramai 5 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) untuk tahun 2011.

Majlis penganugerahan ini telah diadakan pada 6 September, 2012 di Dewan Baiduri, NRE, Putrajaya.



Mohd Suhaimi Azmi
Pegawai Kawalan Alam Sekitar
Gred C44

Romailin Nedi
Setiausaha Pejabat
Gred N28



Md. Azman Ismail
Juruteknik
Gred J22

Sazaly Mohd Amir
Juruteknik
Gred J17



Kalsom Ismail
Pembantu Tadbir
Gred N17




KEWANGAN DAN HASIL

Peruntukan Kewangan

Sebanyak RM 1,449,094.50 peruntukan telah diterima pada tahun 2012 dan sebanyak RM 1,449,032.39 (99.99%) telah dibelanjakan. Status perbelanjaan mengikut aktiviti/program adalah seperti Rajah 1.3.

Rajah 1.3 :
Status Perbelanjaan Mengikut Aktiviti / Program Tahun 2012



Kutipan Hasil

Hasil Jabatan secara keseluruhan yang telah dikutip sepanjang tahun 2012 adalah sebanyak RM 488,157.54. Kutipan mengikut jenis kod hasil adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Hasil (Kod)	Jumlah Kutipan (RM)
1.	Bayaran Kompaun (76102)	335,650.00
2.	Bayaran Lesen (71408)	152,180.04
3.	Jualan Barang Cetak (73199)	240.00
4.	Jualan Harta Benda Kerajaan (73301)	87.50



PELAN TINDAKAN PEMBERSIHAN PANTAI AKIBAT TUMPAHAN MINYAK



**Negeri Sembilan
Darul Khusus**



BAB 2



STATUS KUALITI ALAM SEKELILING


STATUS KUALITI UDARA

Program pengawasan kualiti udara di Negeri Sembilan dijalankan di tiga (3) stesen automatik pengawasan kualiti udara secara telemetri yang beroperasi 24 jam iaitu di Taman Semarak, Nilai, Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar (SMTTJ), Ampangan Seremban dan Pusat Sumber Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Port Dickson. Stesen-stesen ini memberi bacaan tahap kualiti udara berdasarkan Indeks Pencemar Udara di Jadual 2.1 dan Rajah 2.1.

Jadual 2.1 :
Nilai Purata Indeks Pencemar Udara


Indek Pencemar Udara (IPU)	
0 - 50	Baik
50 - 100	Sederhana
101 - 200	Tidak Sihat
201 - 300	Sangat Tidak Sihat
> 300	Berbahaya

Rajah 2.1 :
Indeks Pencemar Udara Bagi Stesen-Stesen Pengawasan Automatik di Negeri Sembilan Tahun 2012



Rajah 2.2 :

Status Indeks Pencemar Udara Berdasarkan Bilangan Hari Cerapan




Berdasarkan status Indeks Pencemar Udara di Rajah 2.2, kualiti udara di Stesen Pengawasan Seremban dan Port Dickson lebih baik berbanding stesen Nilai. Ini dipengaruhi oleh aktiviti kuari, pembangunan dan industri di kawasan Nilai.

STATUS KUALITI AIR MARIN

Terdapat 13 stesen pengawasan kualiti air marin di persisiran pantai Port Dickson di Negeri Sembilan bermula dari Kuala Sungai Lukut sehingga ke Kuala Sungai Linggi bagi memantau kesan-kesan pencemaran dari aktiviti perkapalan, penambakan dan pencemaran dari punca-punca daratan.


Punca utama yang menyumbang kepada ketidakpatuhan adalah pelepasan kumbahan domestik dan air *sullage* dari kawasan komersil termasuk restoran dan gerai serta kemudahan pelancongan seperti hotel, chalet dan rumah peranginan.



Gambar 2.1 : Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin di Port Dickson

Berdasarkan tren kualiti air marin tahun 2012 di **Rajah 2.3**, didapati parameter yang sering melebihi standard yang ditetapkan bagi kesemua kelas adalah parameter minyak & geris dan parameter *E.coli* serta *faecal coliform*.

Rajah 2.3 : Status Peratus Pelanggaran Air Marin Tahun 2012 Mengikut Kelas
(*Marine Water Quality Criteria and Standards For Malaysia*)



Gambar 2.2 : Persampelan di stesen pengawasan kualiti air marin




STATUS KUALITI AIR TANAH

Pemantauan kualiti air tanah bertujuan untuk mengesan pencemaran air tanah di kawasan yang berpotensi menyebabkan risiko pencemaran air tanah. Rajah 2.4 menunjukkan Peratus Pelanggaran Kualiti Air Tanah Bagi Tahun 2012.

Parameter yang dianalisis adalah logam berat, bahan kimia organik meruap (VOCs), julat keliatan (CaCO_3), jumlah pepejal terlarut (TDS), sebatian berfenol (phenolic compound), racun makhluk perosak (pesticide), koliform dan bacaan in-situ iaitu pH, suhu, konduktiviti dan oksigen terlarut (DO).

Rajah 2.4 : Peratus (%) Pelanggaran Kualiti Air Tanah Bagi Tahun 2012



Gambar 2.3 : Stesen - Stesen Pengawasan Air Bawah Tanah Bagi Negeri Sembilan

STATUS KUALITI AIR SUNGAI

Pemantauan kualiti air sungai dijalankan di lima (5) lembangan sungai utama iaitu Lembangan Sungai Linggi, Lembangan Sungai Langat, Lembangan Sungai Muar, Lembangan Sungai Pahang dan Lembangan Sungai Melaka.

Punca-punca yang menyumbang kepada kemerosotan kualiti air sungai terdiri daripada pelepasan dari industri, aktiviti korek pasir, kumbahan dan tapak projek pembangunan.


Kerjasama semua agensi kerajaan diperlukan bagi mengawal dan mencegah pencemaran sungai.

Status Kualiti Air di setiap lembangan-sungai adalah berdasarkan Klasifikasi-Kualiti Air Jabatan Alam Sekitar.

Indeks Kualiti Air	Status Kualiti Air
81 - 100	Bersih
60 - 80	Sederhana Tercemar
0 - 59	Tercemar

Rajah 2.5 - Rajah 2.9 menunjukkan tren perbandingan Status Kualiti Air bagi setiap lembangan di Negeri Sembilan.


Rajah 2.5 :
Status Indeks Kualiti Air Lembangan Sungai Linggi Tahun 2011 dan Tahun 2012



Status Sungai	2011	2012
Bersih	7	5
Sederhana Tercemar	2	4
Tercemar	0	0




Rajah 2.6 :
Status Indeks Kualiti Air Lembangan Sungai Langat Tahun 2011 dan Tahun 2012



Status Sungai	2011	2012
Bersih	1	1
Sederhana Tercemar	2	2
Tercemar	0	0


Rajah 2.7 :
Status Indeks Kualiti Air Lembangan Sungai Muar Tahun 2011 dan Tahun 2012



Status Sungai	2011	2012
Bersih	2	2
Sederhana Tercemar	0	0
Tercemar	0	0

Rajah 2.8 :


Status Indeks Kualiti Air Lembangan Sungai Pahang Tahun 2011 dan Tahun 2012



Status Sungai	2011	2012
Bersih	0	1
Sederhana Tercemar	2	1
Tercemar	0	0

Rajah 2.9 :

Status Indeks Kualiti Air Lembangan Sungai Melaka Tahun 2011 dan Tahun 2012



Status Sungai	2011	2012
Bersih	3	3
Sederhana Tercemar	0	0
Tercemar	0	0



BAB

3




KAWALAN PENCEMARAN DAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN



KAWALAN TERHADAP PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)

Premis Yang Ditetapkan (PYDT) di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 ialah Kilang Getah Asli Mentah, Kilang kelapa Sawit Mentah dan Premis Pengendali Buangan Terjadual. Rajah 3.1 menunjukkan siasatan penguatkuasaan dan peratus pematuhan bagi PYDT dalam tahun 2012.

Rajah 3.1 :
Siasatan Penguatkuasaan dan Peratus Pematuhan (%) Premis Yang Ditetapkan



Kilang Getah Asli Mentah

Sejumlah sebelas (11) buah kilang getah telah dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah), 1978.

Daripada jumlah ini, satu (1) buah kilang dilesenkan untuk pelepasan effluen yang diolah ke atas tanah, tujuh (7) buah kilang ke alur air dan tiga (3) buah kilang melaksanakan kitar semula effluen.

Peratus pematuhan bagi Kilang Getah Asli Mentah adalah 100%.



Gambar 3.1 : Siasatan di Premis Kilang Getah Asli Mentah



Kilang Kelapa Sawit Mentah (KKS)

Lima belas (15) buah KKS telah dilesenkan di bawah Peraturan- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977 pada tahun 2012.



Gambar 3.2 : Lawatan Penguatkuasaan di Kilang Kelapa Sawit Mentah

Daripada jumlah ini, lapan (8) buah kilang telah dilesenkan untuk pelepasan effluen yang diolah ke dalam alur air dan tujuh (7) buah kilang ke atas tanah.

Peratus pematuan bagi Kilang Kelapa Sawit adalah 80%.




Premis Pengendali Buangan Terjadual

Pada tahun 2012, sejumlah tiga puluh tujuh(37) lesen telah dikeluarkan di bawah Seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996 kepada lapan belas (18) premis kemudahan baru dan sedia ada. Rajah 3.2 menunjukkan lesen yang telah dikeluarkan mengikut jenis lesen.

Peratus pematuan bagi Premis Pengendali Buangan Terjadual adalah 100%.

Rajah 3.2 : Jenis Lesen PYDT (BT) di Negeri Sembilan



Gambar 3.3 : Pemeriksaan di Premis Yang Ditetapkan (Buangan Terjadual)


KAWALAN PENCEMARAN KE ATAS PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN

Sepanjang tahun 2012, penguatkuasaan ke atas premis Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) iaitu industri pembuatan, hotel, loji kumbahan dan bengkel telah dijalankan di kawasan Negeri Sembilan Utara (Kawasan Nilai), Negeri Sembilan Barat (Daerah Seremban, Port Dickson dan Rembau) dan Negeri Sembilan Timur (Daerah Kuala Pilah, Jempol, Jelebu, Tampin).


Sepanjang tahun 2012, sebanyak 740 siasatan penguatkuasaan telah dijalankan.

Rajah 3.3 menunjukkan peratus pematuhan (%) mengikut kategori premis dan Rajah 3.4 menunjukkan tindakan keatas ketidakpatuhan premis. Tindakan yang diambil adalah atas kesalahan pengurusan buangan terjadual, penyelenggaraan alat kawalan dan tidak mematuhi piawai yang telah ditetapkan.

Rajah 3.3 : Peratus Pematuhan (%) Premis Yang Bukan Ditetapkan Mengikut Kategori Premis Tahun 2012



Rajah 3.4 :
Tindakan Ke Atas PYBDT Yang Tidak Patuh



Gambar 3.4 :
Pemeriksaan Alat Kawalan Pencemaran Udara



Gambar 3.5 :
Pengurusan Buangan Terjadual

PENGUATKUASAAN KE ATAS PUNCA BERGERAK

Penguatkuasaan Terhadap Kenderaan Berenjin Diesel


Sebanyak lima puluh (50) program penguatkuasaan telah dijalankan dengan menahan kenderaan diesel yang sedang beroperasi di jalanraya dan diuji tahap pelepasan asap hitam.



Gambar 3.6 : Operasi Pelepasan Asap Hitam Dari Kenderaan Diesel

Peratus pematuhan tahap pelepasan yang dibenarkan dibawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 bagi tahun 2012 adalah 97.67%. Tahap pelepasan yang perlu dipatuhi adalah tidak melebihi 50 HSU%.


Rajah 3.5 :
Bilangan Kenderaan Ditahan, Diuji,
Tawaran Kompaun



Penguatkuasaan Terhadap Kenderaan Berenjin Petrol

Penguatkuasaan dijalankan bagi menguji tahap pelepasan dua (2) jenis gas iaitu karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC). Tahap pelepasan yang dibenarkan adalah seperti dibawah Peraturan 10, Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. Sebanyak dua puluh empat (24) operasi telah dijalankan sepanjang tahun 2012 dan 240 kenderaan telah diuji.

Rajah 3.6 :
Bilangan Kenderaan Petrol Yang Patuh
dan Tidak Patuh Ujian



Penguatkuasaan Terhadap Motosikal

Penguatkuasaan terhadap motosikal dijalankan untuk 2 jenis pencemaran iaitu Pelepasan Gas Karbon Monoksida (CO) dan Bunyi Bising.

Jadual 3.1 menunjukkan program penguatkuasaan terhadap motosikal dan bilangan motosikal yang diuji.

Jadual 3.1 :
Program Penguatkuasaan Terhadap Motosikal Tahun 2012

Program	Bilangan Program	Bilangan Motosikal	
		Diuji	Gagal Ujian
Pelepasan Gas Motosikal	3	185	11
Bunyi Bising Motosikal	3	185	5

Pengendali Berkumpulan dan Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)

Program Pengendali Berkumpulan merupakan penguatkuasaan terhadap syarikat-syarikat pengendali berkumpulan yang mengendalikan kenderaan berenjin diesel yang melebihi sepuluh (10) buah. Lawatan terhadap pengendali berkumpulan dilakukan bagi memastikan kenderaan-kenderaan yang dikendalikan melakukan pemeriksaan asap secara berkala di Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) oleh Jabatan Alam Sekitar supaya mematuhi standad pelepasan asap yang telah ditetapkan.

Sebanyak sepuluh (10) pengendali berkumpulan di sekitar Negeri Sembilan telah dilawat pada tahun 2012.

Pengujian Refrigeran Kenderaan

Program pengujian refrigeran kenderaan telah dijalankan di bengkel-bengkel servis pendingin udara kenderaan dan juga terhadap kenderaan-orang awam. Pemeriksaan refrigeran telah dijalankan di dua puluh empat (24) bengkel kenderaan.



Gambar 3.7 :
Pemeriksaan refrigeran di bengkel

KAWALAN AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA


Kawalan terhadap aktiviti pembakaran terbuka dijalankan berdasarkan kehendak Seksyen 29A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003.

Pemantauan titik panas (Hotspot) yang dikesan melalui satelit

Sebanyak tiga puluh enam (36) titik-titik panas (*hotspots*) di Negeri Sembilan telah dikesan oleh satelit NOAA 18 dalam tahun 2012.

Rajah 3.7 menunjukkan bilangan hotspot di Negeri Sembilan sepanjang tahun 2012.

Rajah 3.7 : Bilangan Hotspot Mengikut Daerah Bagi Tahun 2012



Gambar 3.8: Pembakaran Terbuka Yang Dikesan Semasa Rondaan

ADUAN PENCEMARAN


Aduan pencemaran yang diterima dari pelbagai pihak merupakan sumbangan penting dalam menentukan keberkesanan program penguatkuasaan dan juga merupakan maklumbalas didalam pengurusan alam sekitar.

Sebanyak empat ratus enam puluh empat (464) aduan pencemaran alam sekitar telah diterima pada tahun 2012.


Rajah 3.8 menunjukkan aduan pencemaran mengikut kategori di mana aduan pencemaran udara mencatat bilangan tertinggi.

Sebanyak 205 dari bilangan aduan adalah aduan Pembakaran Terbuka. Rajah 3.9 menunjukkan bilangan aduan pembakaran terbuka mengikut daerah.

Rajah 3.8 :
Aduan Pencemaran Mengikut Kategori Tahun 2012




Rajah 3.9 :
Aduan Pembakaran Terbuka Mengikut Daerah Tahun 2012



Tindakan Ke Atas Kes Aduan

Hasil dari siasatan aduan, pelbagai tindakan telah diambil bagi memastikan kes tidak berulang dan pemantauan secara berterusan akan dijalankan di lokasi atau premis yang kerap diadu.

Rajah 3.10 : Tindakan Ke Atas Kes Aduan



Rajah 3.9 : Siasatan Aduan Ikan Mati


TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Kompaun

Susulan dari siasatan penguatkuasaan, operasi dan siasatan aduan, sebanyak 313 tawaran kompaun telah dikeluarkan kepada premis / pemilik yang melakukan kesalahan di bawah dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Dalam tahun 2012, jumlah kutipan kompaun yang dibayar adalah RM440,550.00. Rajah 3.11 menunjukkan tawaran kompaun dikeluarkan bagi tahun 2012 mengikut peraturan dan seksyen berkaitan.

Rajah 3.11 : Bilangan Tawaran Kompaun Tahun 2012




Tindakan Mahkamah

Dalam tahun 2012, sebanyak empat puluh tujuh (47) kes mahkamah telah selesai dengan denda RM 342,000.00 bagi punca tetap dan RM 9,000.00 bagi punca bergerak.

Rajah 3.12 menunjukkan bilangan kes mahkamah mengikut Seksyen berkaitan bagi tahun 2012.

Rajah 3.12 : Bilangan Kes Mahkamah Mengikut Seksyen Kesalahan



SEMINAR PELAN TINDAKAN PEMBERSIHAN PANTAI AKIBAT TUMPAHAN MINYAK

Seminar Pelan Tindakan Pembersihan Pantai Akibat Tumpahan Minyak Peringkat Negeri Sembilan telah dianjurkan bagi memastikan semua pihak atau agensi yang terlibat dalam pembersihan pantai memahami peranan masing-masing selaras dengan Pelan Tindakan tersebut yang menyatakan latihan perlu diadakan secara berterusan.

Seminar ini melibatkan taklimat daripada Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Laut Wilayah Tengah dan Petroleum Industry of Malaysia Mutual Aid Group (PIMMAG).

Seramai 50 peserta telah menghadiri seminar ini.



BAB

4



PENILAIAN ALAM SEKITAR



PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA)

EIA ialah kajian untuk mengenalpasti, meramal, menilai dan memberi maklumat tentang kesan-kesan ke atas alam sekitar bagi sesuatu projek dan mengemukakan langkah-langkah tebatan sebelum projek berkenaan diluluskan atau dilaksanakan.

Pada tahun 2012, sebanyak 11 laporan EIA telah diterima oleh JAS Negeri Sembilan. Jadual 4.1 menunjukkan laporan EIA yang diterima mengikut jenis aktiviti yang ditetapkan dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987.

Jadual 4.1:
Laporan EIA Yang Diterima Mengikut Jenis Aktiviti Tahun 2012

Jenis Aktiviti	Jumlah
Perhutanan	1
Bandar	1
Perumahan	3
Industri Kimia	1
Lebuhraya Nasional	1
Rekreasi & Peranginan	1
Loji Pulihguna Luar Tapak	2
Buangan Pepejal Perbandaran	1



Gambar 4.1:
Tapak projek pembinaan lebuhraya



Gambar 4.2:
Lawatan Penguatkuasaan Post-EIA

Penguatkuasaan Projek EIA (*Post EIA*)

Penguatkuasaan ke atas projek EIA dijalankan secara berterusan bagi memastikan penggerak projek mematuhi syarat-syarat kelulusan laporan EIA.

Sebanyak 50 siasatan penguatkuasaan telah dijalankan dalam tahun 2012 dan tindakan yang diambil adalah seperti Jadual 4.2.

Jadual 4.2 :
Tindakan Ke Atas Ketidapatuhan Syarat EIA

Tindakan	Jumlah
Surat Arahan	3
Notis Arahan	9
Kompaun	1
Mahkamah	3

PENILAIAN AWAL TAPAK (PAT) DAN LESEN PERNIAGAAN (LP)

Penilaian Awal Tapak (PAT) bagi cadangan-cadangan projek pembangunan baru adalah bertujuan untuk memastikan bahawa input alam sekitar diambilkira dan diberi pertimbangan sewajarnya oleh pihak berkuasa yang berkenaan dalam membuat keputusan terhadap permohonan yang diterima.


Kedudukan dan kesesuaian tapak cadangan projek dinilai berdasarkan jenis pembangunan, keadaan alam sekitar sedia ada serta *zoning* dalam Rancangan Tempatan.

Bagi cadangan penempatan industri, jenis proses, bahan mentah dan alat kawalan yang dicadangkan diambilkira untuk menilai impak selain memastikan zon penampungan yang mencukupi disediakan.

Pendekatan ini bertujuan memastikan kesan-kesan negatif yang ketara terhadap alam sekitar dapat dihindari dan dikenalpasti di peringkat awal.

Pada tahun 2012, sebanyak 1069 permohonan diterima. 95% permohonan tersebut disokong dan selebihnya ditolak atas sebab ketidaksesuaian tapak dan jenis aktiviti.

Rajah 4.1 :
Permohonan PAT dan LP Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)




KELULUSAN BERTULIS (KB) PEMASANGAN ALAT PEMBAKARAN BAHANAPI (APB), DAN ALAT KAWALAN PENCEMARAN UDARA

Dibawah Peraturan 36 dan 38 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, sebarang pemasangan, penempatan semula atau mengubah peralatan alat pembakaran bahanapi seperti dandang, janakuasa dan peralatan-peralatan kawalan pencemaran udara hendaklah mendapat kelulusan bertulis(KB) terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

Ini bertujuan untuk memastikan peralatan kawalan pencemaran udara dan alat pembakaran bahanapi yang dipasang mematuhi kehendak-kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) serta mematuhi standad pelepasan yang telah ditetapkan.

Rajah 4.2 : Bilangan Permohonan APB dan AKPU Yang Diterima Tahun 2012




PERMOHONAN KEBENARAN BERTULIS (KB)

Pembinaan Sistem Pengolahan Efluen bagi Premis Yang Ditetapkan (Kilang Kelapa Sawit, Kilang Getah dan Premis Buangan Terjadual) adalah tertakluk dibawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Dalam tahun 2012, terdapat 5 permohonan KB untuk pembinaan SPE di bawah Seksyen 19.



BAB 5



**PROMOSI PENDIDIKAN,
KESEDARAN DAN SEBARAN
MAKLUMAT ALAM SEKITAR**

SAMBUTAN MINGGU ALAM SEKITAR MALAYSIA TAHUN 2012

Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia Tahun 2012 Peringkat Negeri Sembilan telah diadakan pada 4 November, 2012 di Taman Tasik Seremban. Aktiviti utama adalah Enviro-walk yang disertai oleh Kelab Rakan Muda, ahli Rakan Alam

Sekitar, industri dan orang awam. Majlis Perasmian disempurnakan oleh Y.B. Dato' V.S. Mogan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Perladangan, Sumber Manusia, Alam Sekitar dan Pengaduan Awam Negeri Sembilan.



SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA TAHUN 2012

Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Sembilan diadakan pada 7 Julai, 2012 bertempat di Tesco Nilai dengan Kempen Go Green. Majlis Perasmian disempurnakan oleh Y.B. Dato' V.S. Mogan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Perladangan, Sumber Manusia, Alam Sekitar dan Pengaduan Awam Negeri Sembilan.



PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR - JUNGLE CLEAN UP

Program Jungle Clean Up adalah anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan dan Jabatan Perhilitan Negeri Sembilan & Melaka dengan kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam NS, Politeknik

Port Dickson, SWM Environment Sdn. Bhd. dan Kelab Orang Hutan Malaya. Program ini diadakan di Hutan Simpan Tanjung Tuan. Sebanyak 500 kg sampah telah dikutip sepanjang program ini berlangsung.



KEM KESEDARAN ALAM SEKITAR TAHUN 2012

Kem Kesedaran Alam Sekitar Tahun 2012 dianjurkan bersama Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan dan SMK Tunku Ampuan Najihah, Seremban.


Peserta adalah seramai 150 orang yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah daerah Seremban.



CERAMAH DAN PAMERAN

JAS NS juga menyertai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh agensi kerajaan, agensi swasta, Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan sekolah dalam usaha untuk menyebarkan maklumat berkaitan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

Sebanyak 25 program pameran dan 13 sesi ceramah anjuran pelbagai agensi telah disertai JAS NS sepanjang tahun 2012. Rajah 5.1 menunjukkan bilangan program ceramah dan pameran mengikut kumpulan sasaran.



JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TINGKAT 5, SEREMBAN CITY CENTRE
JALAN PASAR 70200 SEREMBAN

www.doe.gov.my
JASLINE : 1-800-88-2727